

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
NOTIS PERKAPALAN SAUDAGAR
Nombor Notis : JL 3/1996

Notis Kepada Pemilik Kapal, Syarikat Perkapalan, Anak-anak Kapal dan Pihak-pihak Lain Yang Berkaitan

PROSEDUR PENGESAHAN SEMULA SIJIL KECEKAPAN LAUT

1. Selaras dengan kehendak Konvensyen STCW, setiap pegawai dek, jurutera dan pemandu injin laut yang memegang sijil kecekapan laut yang berkhidmat di laut atau ingin kembali berkhidmat di laut selepas berkhidmat di darat, agar terus layak berkhidmat di laut dalam pangkat mengikut sijilnya, hendaklah setiap tempoh yang tidak melebihi lima tahun, mengesah semula sijil kecekapannya.
2. Syarat-syarat untuk pengesahan semula sijil kecekapan laut adalah seperti berikut:

Memuaskan Ketua Pengarah Laut berhubung dengan;

 - (a). kesihatan tubuh badan termasuk penglihatan dan pendengaran dengan mengemukakan Sijil Pemeriksaan Kesihatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Laut; dan
 - (b). kecekapan kerjayanya:
 - (i). dengan mempunyai perkhidmatan di laut sebagai pegawai dek atau injin untuk tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan dalam masa lima tahun yang lalu; atau menamatkan sekurang-kurangnya tiga bulan perkhidmatan laut sebagai pegawai 'supernumerary' serta menamatkan dengan jayanya kursus pengesahan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Laut yang dikendalikan oleh institusi latihan yang diluluskan ; atau
 - (ii). dengan menjalankan tugas-tugas yang bersesuaian dengan grad sijil yang dipegang seperti yang disenaraikan di [Lampiran 1](#) yang mana Ketua Pengarah Laut berpendapat setaraf dengan kehendak perkhidmatan laut yang dinyatakan di atas; dan
 - (c). latihan kursus-kursus pendek dengan mengemukakan sijil-sijil kursus melawan kebakaran, kursus pertolongan cemas, kursus keselamatan diri di laut (personal survival at sea) dan kursus kecekapan mengendalikan lancang penyelamat (proficiency in survival craft) yang diiktiraf.
3. Pemegang sesuatu sijil kecekapan akan hanya layak menjawat pangkat yang lebih rendah dari pangkat yang tercatat di dalam sijilnya sekiranya pemegang sijil tidak menjalani perkhidmatan laut yang secukupnya untuk mengesahkan semula sijilnya. Sijilnya hanya layak disahkan semula selepas menamatkan tiga bulan perkhidmatan laut dengan pangkat yang lebih rendah itu.
4. Pegawai-pegawai yang memegang endosmen kargo merbahaya untuk berkhidmat di atas kapal tangki minyak, kimia atau gas cecair hendaklah, selain daripada memenuhi kehendak-kehendak pengesahan semula sijil yang dinyatakan di para 1 di atas, mengemukakan bukti perkhidmatan sekurang-kurangnya selama tiga bulan (yang tidak perlu berterusan) di atas mana-mana jenis kapal tangki dalam tempoh lima tahun yang lalu. Perkhidmatan di atas mana-mana jenis kapal tangki adalah sah untuk pengesahan semula jenis sijil endosmen kargo merbahaya yang dipegang.
5. Mana-mana pegawai yang memegang sijil endosmen kargo merbahaya yang tidak berkhidmat di atas kapal tangki dalam tempoh 5 tahun yang lalu adalah tidak layak untuk berkhidmat di atas kapal-kapal tangki dan sijil endosmennya dianggap terbatal. Sebelum apa-apa sijil endosmen dikeluarkan semula, seseorang pegawai itu dikehendaki sama ada:-
 - (a). menghadiri kursus penyesuaian kapal tangki (tanker familiarisation course) di darat yang diiktiraf ; atau
 - (b). menjalani latihan bawah pengawasan selama tidak kurang dari 14 hari di atas kapal tangki yang mana dia akan berkhidmat.
6. Permohonan untuk mengesahkan semula sijil kecekapan laut dan endosmen kapal tangki hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan yang ditetapkan di [Lampiran 2](#). . Setiap permohonan hendaklah dikemukakan dengan datang sendiri atau dikirim melalui pos berdaftar kepada :

Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,

**Peti Surat 12,
42007 Pelabuhan Kelang,
Selangor D. Ehsan
(u.p: Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan)**

7. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sijil kecekapan asal dan disokong dengan dokumen-dokumen lain serta bayaran sebanyak RM50 dalam bentuk Bank Draf atau Wang Pos atas nama Pengarah Laut. Pemegang sijil yang tersenarai di Lampiran 1 hendaklah mengemukakan surat perakuan Ketua Jabatan masing-masing. Salinan fotostat sijil tidak akan diterima.
8. Ketua Pengarah Laut boleh, jika difikirkan seseorang pegawai itu tidak layak, menolak permohonan pengesahan semula sijil pegawai tersebut.

(HJ. GHAZALI B. ABU HASSAN)
Ketua Pengarah Laut Semenanjung Malaysia.
Ibu Pejabat Laut,
Pelabuhan Kelang

26 April 1996